

B617:

PARLIMEN-JASMANI

1982

KUALA LUMPUR, 12 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGSYORKAN KEPADA PARA PEKERJA SUPAYA MENGADAKAN SECARA SUKARELA LATIHAN-LATIHAN JASMANI SEBELUM MENJALAN -KAN TUGAS JIKA MEREKA SANGGUP BERBUAT DEMIKIAN.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MEMANG BERMINAT UNTUK MEMPERKENAL -KAN RANCANGAN TERSEBUT TETAPI KHUATIR IA MUNGKIN MENIMBULKAN KERESAHAN DI KALANGAN PEKERJA.

''SAYA PERCAYA LATIHAN SEUMPAMA ITU MEMANG BAIK UNTUK RAKYAT TETAPI JIKA MEREKA SENDIRI SANGGUP, BUATLAH SECARA SUKARELA, '' TAMBANNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA MENJAWAB SATU SOALAN ENCIK ISMAIL ARSHAD (BN-JERAI) SEMASA SOALJAWAB DI DEWAN RAKYAT.

ENCIK ISMAIL INGIN TAMU SAMADA KONSEP BERSIH, CEKAP DAN AMANAH  
ITU BERGANTUNG KEPADA KESIHATAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN  
DAN ATAS KESEDARAN INI ADAKAH KERAJAAN AKAN MENGADAKAN LATIHAN  
-LATIHAN JASMANI, SEPERTI YANG DILAKSANAKAN DI JEPUN.

-- LAGI 1807/LK

B618:

PARLIMEN-JASMANI 2 KUALA LUMPUR

ENCIK ISMAIL JUGA MENYEBUT TENTANG SIFAT MANUSIA YANG TIDAK  
BOLEH BEKERJA JIKA IA "TIDAK ADA MOOD."

MENYENTUH PERKARA INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA:  
"KITA TIDAKLAH BOLEH MENGIKUT MOOD JIKA HENDAK BEKERJA. JIKA  
SEMUA IKUT MOOD NANTI TIDAK ADA ORANG YANG AKAN PERGI KE  
PEJABAT.

KEPADA SOALAN HAJI HASHIM ENDUT (BN-HULU NUDA)  
PERDANA MENTERI MENJELASKAN SALAH SATU TUJUAN KERAJAAN MEMPERKENAL  
-KAN "TANDA NAMA" BAGI KAKITANGANNYA IALAH UNTUK  
MEMBOLEHKAN ORANGRAMAI YANG BERURUSAN DI JABATAN-JABATAN  
KERAJAAN MENGENALI NAMA PEGAWAI YANG MELAYANINYA.

INI ANTARA LAIN BERTUJUAN UNTUK MEMUDAHKAN ORANGRAMAI MEMBUAT  
ADUAN TERHADAP LAYANAN KURANG BAIK YANG DIBERIKAN OLEH PEGAWAI-  
PEGAWAI BERKENAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SELAIN ITU IA JUGA UNTUK  
MERAPATKAN LAGI HUBUNGAN ANTARA KAKITANGAN KERAJAAN KHUSUSNYA  
DI JABATAN-JABATAN YANG BESAR.

BELIAU BERKATA PADA MASA-MASA LALU DIDAPATI ADA KAKITANGAN  
YANG TIDAK MENGENALI RAKANNYA DARI BAHAGIAN LAIN, MALAUPUN  
BERKHIDMAT DALAM SATU JABATAN, KERANA TIDAK MENGETAHUI NAMANYA.

-- LAGI 1813/LK

B619:

PARLIMEN-JASMANI 3 KUALA LUMPUR

KEPADA SOALAN ENCIK ALIAS ALI (BN-HULU TERENGGANU) PULA,  
PERDANA MENTERI MENDERI JAMINAN KERAJAAN AKAN SENTIASA MENGAJAI  
DAN MENELITI PELAKSANAAN KONSEP BERSIH, CEKAP DAN AMANAH DI  
JABATAN-JABATAN KERAJAAN.

TUGAS INI KATANYA DIJALANKAN OLEH KETUA-KETUA JABATAN DAN  
BERTUJUAN UNTUK SENTIASA MENINGKATKAN KEUPAYAAN DAN KECEKAPAN  
JABATAN-JABATAN ITU.

MENGENAI PIHAK SWASTA PULA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGAS  
-KAN BELIAU TELAH ACAPKALI MENYUARAKAN HASRATNYA HENDAK MEMUJUD  
-KAN SATU MASYARAKAT MALAYSIA YANG DIHORMATI.

"PENCAPAIAN HASRAT INI BERGANTUNG KEPADA SEMUA PIHAK TERMASUK  
PIHAK SWASTA DAN JUGA PIHAK PEMBANGKANG." TEGASNYA.

-- BERNAMA 1815/LK